

UMNO tidak halang Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 22 Julai - Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib menafikan UMNO menghalang bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada berjumpa dan memberi pandangan kepada orang ramai terutama ahli parti itu sendiri.

Katanya, UMNO mahupun kerajaan tidak pernah menghalang sesiapa malah pembangkang sekalipun untuk berjumpa rakyat asalkan ia tidak menjejaskan keselamatan orang ramai dan negara.

"Kita tidak pernah menghalang sesiapa malah pimpinan kini dilihat lebih terbuka dalam membincangkan isu-isu sensitif," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan bulanan dengan perwakilan UMNO dari seluruh negara di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Dr. Mahathir sekebalinya bekas Perdana Menteri itu dari luar

negara di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang hari ini mengenai ada pihak cuba menghalangnya daripada bertemu dan menyuarakan pendapat kepada orang ramai.

Dakwaan itu berdasarkan kunjungannya ke England untuk bertemu dengan pelajar di sana dihalang oleh pihak tertentu.

Begitu juga hasratnya untuk bertemu dengan bekas wakil rakyat di Kelantan turut dibatalkan.

Mengenai dakwaan tersebut, kata Muhammad, UMNO tidak tahu hujung pangkal mengenai pertemuan tersebut dan tidak berhasrat campur tangan dalam segala urusan bekas Perdana Menteri itu.

"Kita telah menghubungi ke-klub UMNO di sana untuk mendapatkan penjelasan dan difahamkan tidak ada sebarang pertemuan diatur antara pelajar dan Tun.

"Dalam hal ini, kita memang tidak tahu hujung pangkal," ujarnya.